



Tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak berasas

Kosmo's
Kosmo
2/6/2016
ms 11

MUNGKIN ada yang beranggapan bahawa situasi politik serta perubahan kepimpinan dan dasar di sesebuah negara tidak perlu diambil peduli kerana ia di luar jangkauan sempadan kita.

Hakikatnya, keadaan sebenar tidaklah mudah. Terbaharu, kenyataan bakal presiden Filipina, Rodrigo Duterte mahukan Manila menuntut semula Sabah daripada Malaysia, dilihat sebagai satu gesaan yang boleh merenggangkan hubungan diplomasi yang erat antara kedua-dua negara.

Kes serangan ke atas Lahad Datu, Sabah oleh penganas Sultan Sulu dari Filipina masih belum pudar daripada memori rakyat negara ini. Kini, timbul satu lagi isu apabila bakal presiden Filipina mahu mengembalikan semula nostalgia menuntut Sabah untuk dijadikan sebagai wilayah di dalam Filipina.

Justeru tuntutan ke atas Sabah itu jelas satu serangan diplomatik yang tidak boleh dipandang sepi.

Jika alasan Manila mahu menuntut Sabah kerana negeri itu dahulunya wilayah Kesultanan Sulu, eloklah jika Manila mula mengambil langkah yang proaktif dengan mewujudkan satu rang undang-undang khusus untuk mengiktiraf peranan dan kedudukan sultan dan Kesultanan Sulu sebagai salah satu sistem yang patut dihormati secara sah oleh Manila.

Manila harus bukan sahaja mengiktiraf tetapi mendaulatkan Kesultanan Sulu dalam konteks pemerintahan monarki di Filipina dan menetapkan juga sempadan sah yang boleh dikatakan ia sebagai wilayah mutlak Kesultanan Sulu.

Ia harus melakukannya se-



Oleh MD. SHUKRI SHUIB

berterusan untuk menyatakan bahawa sebahagian Sabah adalah milik Sultan Sulu.

Jika Sultan Sulu sendiri sudah tidak wujud takhta dan kedaulatan serta wilayah, maka ia hanya menjadi satu bahan sejarah lampau yang boleh menunjukkan Filipina dahulunya adalah wilayah Islam yang terhapus dari sejarah dan sistem pemerintahan moden Manila.

Wujudkan dan sahkan dulu status terkini entiti moden Kesultanan Sulu masa kini, barulah perundangan tuntutan Sabah boleh diajukan.

Jika tidak, tuntutan Manila tidak perlu dilayan kerana urusan pajakan sebahagian wilayah Sabah dahulunya dan kini diwarisi Malaysia adalah dengan kesultanan dan waris sah Sulu. Ia tiada kena mengena dengan kerajaan Republik Filipina masa kini.

Persoalannya, bolehkah presiden dan kepimpinan politik Manila menerima kewujudan sistem Kesultanan Islam dalam sebuah republik yang didominasi para politikus bukan beragama Islam? Jika mahu terus menuntut Sabah atas alasan sejarah bahawa ia adalah sebahagian daripada legasi sebuah wilayah bekas Kesultanan Islam, maka itulah antara langkah penilaian akademik yang boleh dilakukan Manila dalam mengabsahkan kedudukan mereka.

Bagi penulis, hipotesisnya mudah. Tanpa Manila mewujudkan Kesultanan Sulu dengan takhta dan kedaulatan perundangan yang sah, maka abaikanlah impian menerus-

kan tuntutan tidak berasas mereka ke atas Sabah dan penduduknya.

Jika dunia melayan permintaan nakal Manila itu, sudah tentulah banyak lagi bekas sultan dan kesultanan serta kerajaan dahulukala yang boleh menuntut wilayah atas alasan ia berdasarkan sejarah kesultanan berkenaan.

Kesultanan Kedah umpamanya mungkin bukan sahaja boleh menuntut Perlis dan Pulau Pinang yang juga berada dalam Malaysia, tetapi boleh menuntut wilayah Satun yang dahulu disebut Setul serta beberapa wilayah di pantai barat Segenting Kra hingga ke Ranong yang kini sebahagian dari Thailand atas alasan beberapa wilayah itu adalah sebahagian dari pemerintahan Kesultanan Kedah sebelum tahun 1909.

Kesultanan Brunei Darussalam mungkin boleh menuntut Sarawak dan sebahagian Sabah atas alasan pemilikan sejarah.

Adakah jika sekiranya Malaysia mengadakan undang-undang mengiktiraf sebahagian Sabah adalah milik Kesultanan Sulu dan mewujudkan Istana Sultan Sulu di Sabah serta mendaulatkan dan mengiktiraf sultan berkenaan sama seperti status raja Melayu yang lain di Malaysia, maka Manila boleh menerima sekiranya Malaysia menuntut pula beberapa wilayah Sulu kepunyaan mereka atas restu Sultan Sulu yang diiktiraf secara sah oleh Malaysia?

Inilah persoalan dan langkah yang rumit di mana Filipina tidak harus mencetuskan polemik diplomatik terutama antara sesama anggota ASEAN apatah lagi dengan Malaysia yang sememangnya sangat dekat hubungan kejiranan sesama negara.

DR. MD. SHUKRI SHUIB adalah Pensyarah Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).

perti mana Malaysia mahupun Brunei Darussalam yang masih mengekalkan institusi Kesultanan Islamnya dengan sempadan sah sesebuah kesultanan itu.

Sebab itulah di Malaysia, walaupun wujud sembilan negeri beraja dan beberapa negeri tidak beraja, sistem dan hak kesultanan masih kukuh serta diberikan nafas perundangan yang sah serta didaulatkan dalam bentuk yang diiktiraf negara dan dunia antarabangsa.

Persoalannya, dalam meneruskan mimpi perluasan wilayah oleh Manila itu, adakah Duterte sanggup melaksanakan transformasi sistem bernegara republik berkenaan dengan mengembalikan semula kewujudan sistem kesultanan Islam di Sulu sebagai satu usaha